

BERITA HARIAN

DATE: 28/5/2010

## Samy Vellu terlalu lama teraju parti: Dr M

BH - 28/05/10

**K**UALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad menasihatkan Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu supaya berundur daripada terus menerajui parti itu.

Beliau berkata, Samy Vellu memegang jawatan berkenaan terlalu lama iaitu selama 30 tahun, lebih lama daripada beliau menjawat jawatan Perdana Menteri dan Presiden Umno selama 22 tahun.

“Saya bukan mewakili Umno tetapi saya pernah kata, seseorang itu tidak boleh tinggal terlalu lama dan sebab itu saya berundur.

“Beliau berkhidmat lebih lama daripada saya. Saya rasa dengan rekod sedemikian beliau harus berpuas hati,” katanya selepas menyampaikan ucapan Persidangan Penuaan Secara Sihat Malaysia Ke-5 di sini, semalam.

Beliau berkata demikian

ketika diminta mengulas mengenai tekanan terhadap Samy Vellu supaya meletakkan jawatan sebagai Presiden MIC melalui Gerakan Anti-Samy Vellu (Gas) yang dilancarkan Timbalan Ketua Pemuda parti itu, V Mugilan.

Berhubung dakwaan yang mengatakan Umno terbabit dalam perkara itu, Dr Mahathir berkata, pihak berkenaan harus mengemukakan bukti terlebih dulu.



Dr Mahathir Mohamad